


KONSEP DAN MODEL INTEGRITI

KONSEP INTEGRITI

Integriti merupakan satu konsep yang kompleks (Widang dan Fridlund, 2003). Terdapat pelbagai takrifan integriti. Stanford Encyclopedia of Philosophy (2004) mengklasifikasikan integriti kepada empat perspektif yang berbeza, iaitu ketekalan nilai peribadi, komitmen terhadap nilai peribadi, komitmen terhadap nilai komuniti dan komitmen terhadap nilai-nilai murni. Secara umumnya, definisi integriti boleh dilihat daripada beberapa aspek, iaitu keutuhan dan kesempurnaan, ketekalan nilai peribadi, kejujuran, mempertahankan kebenaran dan komitmen kepada nilai moral (Rajah 2.1).



Rajah 2.1: Definisi Integriti.

KEUTUHAN DAN KESEMPURNAAN

Dewan Bahasa dan Pustaka (2013) mentakrifkan integriti sebagai keadaan yang sempurna dan utuh. Integriti juga ditakrifkan sebagai individu yang mempunyai piawai seni yang tinggi atau piawai kerja yang tinggi serta berusaha keras untuk memelihara piawaian tersebut (Cambridge Dictionaries Online, 2015). Sehubungan dengan itu, integriti dalam perspektif ini boleh dilihat dalam pelbagai konteks. Dalam konteks pentadbiran, integriti menjurus kepada *zero-defect*, iaitu sempurna tanpa sebarang kecacatan. Dalam konteks produk atau barangan, integriti adalah barangan atau produk yang bermutu tinggi. Dalam konteks pekhidmatan, integriti adalah perkhidmatan yang serba cemerlang dan memuaskan. Dalam konteks pembangunan manusia, integriti adalah manusia yang cemerlang dalam aspek fizikal, mental, emosi dan rohaninya. Dalam konteks kerjaya, individu yang berintegriti adalah individu yang cekap, efisien dan beramanah dalam melaksanakan tugasnya. Dalam konteks organisasi, integriti adalah organisasi yang mempunyai reputasi yang cemerlang dan terkehadapan. Dalam konteks masyarakat pula, integriti adalah masyarakat yang berdaya maju, progresif dan sejahtera dalam segala aspek kehidupan.

KETEKALAN NILAI PERIBADI

Jamiah dan rakan-rakan (2005) mentakrifkan integriti sebagai pengetahuan, kesedaran, penghayatan dan pegangan teguh kepada nilai-nilai murni secara konsisten yang disertai komitmen sepenuhnya terhadap nilai-nilai tersebut dalam setiap perkataan dan tindakan untuk mencapai kecemerlangan diri dan organisasi.

Selain takrifan di atas, terdapat beberapa definisi yang termasuk dalam kategori kedua, iaitu ketekalan nilai peribadi ini. Antaranya, Pellegrino (1989) merujuk integriti sebagai tahap atau keadaan keseimbangan di antara ruang peribadi, autonomi dan nilai individu. Roberts (1994) pula memberikan takrifan yang lebih mudah, iaitu kesatuan di antara komitmen sepenuhnya kepada nilai yang dipegang